

SOALAN NO. 18**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK MOHD IDRIS BIN
JUSI [BATU PAHAT]****TARIKH : 20 NOVEMBER 2017****SOALAN :**

YB Datuk Mohd Idris Bin Jusri [Batu Pahat] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah dan tindakan memberhentikan amalan "Politics of Fear" seperti membangkit isu-isu kaum, agama dan raja (Isu 3R- Race, Religion & Royalty) dan penahanan musuh-musuh politik secara tidak mengikut prosedur dan tuntutan masyarakat bertamadun.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia adalah sebuah negara merdeka yang rakyatnya terdiri daripada pelbagai latar belakang dan budaya. Kerajaan sentiasa menggalakkan semua pihak untuk mengamalkan "politik matang" di mana kepentingan rakyat dan negara sentiasa menjadi keutamaan dan bukannya "*politics of fear*" seperti dinyatakan. Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa mengikut lunas serta landasan undang-undang dalam setiap perkara dan tindakan yang dilakukan.

Sekian, terima kasih.